

09 JUL 2003

Snap-Mahathir/I

PEMIMPIN SNAP KUNJUNGI PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Delegasi tiga anggota dari Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) yang diketuai Presidennya yang baru dilantik, Edwin Dundang, hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Timbalan Presiden Snap Datuk Justine Jinggut dan Setiausaha Agung Edmund Stanley Juggol merupakan dua lagi anggota yang turut menghadiri pertemuan selama 40 minit itu.

Bercakap kepada Bernama kemudian, Dundang berkata: "Kami merupakan sebuah parti yang mempunyai masalah. Secara semulajadinya kami melalui masalah. Memandangkan beliau (Dr Mahathir) merupakan bapa bagi kami, kami mendapatkan nasihat dan bantuannya. Beliau bersikap amat positif."

Katanya tanda-tanda sangat positif bagi parti berkenaan yang dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) tahun lepas berikutan krisis dalaman yang membawa kepada pembentukan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) oleh sebuah kumpulan yang terpisah.

Pemimpin Snap kemudian membawa perkara itu ke mahkamah yang menangguhkan keputusan ROS sementara menunggu keputusan akhir perbicaraan kes permohonan pemimpin itu bagi kajian semula kehakiman terhadap keputusan ROS.

Permohonan itu yang dijadualkan didengar hari ini di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur, telah ditangguhkan sehingga Sabtu ini.

Dundang berkata pertemuan itu membolehkan Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), mendapatkan gambaran yang lebih baik mengenai apa yang berlaku di dalam Snap.

Semasa ditanya sama ada mereka turut berbincang dengan Perdana Menteri mengenai kedudukan Snap dalam BN, beliau berkata perkara itu turut dibangkitkan dan "saya dapat mengatakan bahawa respons adalah positif dan amat menggalakkan."

Ini merupakan pertemuan pertama Snap dengan mana-mana pemimpin tertinggi BN sejak parti itu mengadakan persidangan perwakilannya awal tahun ini dengan Datuk Amar James Wong secara rasminya meletakkan jawatan sebagai Presiden selepas menerajui parti itu sejak 1981 dan Dundang kemudiannya dilantik sebagai Presiden.

Parti itu kini tidak mempunyai sebarang wakil rakyat selepas kesemua Anggota Dewan Undangan Negeri dan Anggota Parlimennya menyertai SPDP, yang diketuai bekas Naib Presiden Snap, Datuk William Mawan, yang juga Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Umum Sarawak.

-- BERNAMA

JC SR ROS